

**NO. SOALAN: 398**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [ PADANG SERAI ]**

**RUJUKAN : 9125**

**SOALAN:**

**Tuan N. Surendran [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan serta nama-nama orang telah disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia dalam tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016 serta bilangan dan nama-nama orang yang dituduh di mahkamah bagi tahun-tahun tersebut.

**JAWAPAN:**

**Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) telah memberikan kuasa kepada pihak polis untuk menyiasat di bawah seksyen 233 akta tersebut bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.**

**Statistik penyiasatan polis bagi kesalahan di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi tahun 2013 sehingga April 2016 adalah seperti berikut:-**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Tangkapan</b>	<b>Jumlah Dituduh</b>
<b>2013</b>	<b>12</b>	<b>2</b>	<b>2</b>
<b>2014</b>	<b>20</b>	<b>4</b>	<b>3</b>
<b>2015</b>	<b>56</b>	<b>14</b>	<b>7</b>
<b>2016 (Jan-April)</b>	<b>59</b>	<b>14</b>	<b>6</b>
<b>Jumlah</b>	<b>147</b>	<b>34</b>	<b>18</b>

**Pihak polis tidak berhasrat untuk memberikan nama-nama mereka yang ditangkap atau dituduh memandangkan terdapat kes masih dalam prosiding perbicaraan dan untuk menjaga nama baik mereka yang ditangkap atau dituduh.**